

# Perbelanjaan awam bukan rahsia

B.H 29 AUG 1992

**BAYAN LEPAS**, Jumaat — Kerajaan tidak berniat menyekat kebebasan akhbar dalam melaporkan maklumat, malahan bersedia mengambil tindakan jika kebenaran didehad, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata tindakan undang-undang mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) akan diambil jika jelas akhbar menghasut pegawai-pegawai kerajaan memberi maklumat yang dirahsiakan.

"Kerajaan tidak berniat menutup akhbar kerana benda yang benar akan

disebut benar juga," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Syarikat Robert Bosch di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan supaya tindakan mengikut OSA diambil berhubung pendedahan akhbar mengenai isu pembelian kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak merahsiakan sebarang perbelanjaan jabatan kerajaan kerana ia menjadi hak rakyat mengetahuinya dan setiap tahun kerajaan

memaklumkan belanjawan dan laporan perbelanjaannya.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata media massa, khasnya akhbar, jangan menghasut pegawai kerajaan untuk memberi maklumat mengenai rahsia rasmi negara.

Beliau berkata akhbar sepatutnya melaporkan kebenaran, bukannya perkara yang belum disahkan.

"Kalau dia (akhbar) secara terang-terang membeli maklumat dan sebagainya secara langsung, kita mungkin terpaksa ambil tindakan.

"Kalau akhbar umpa-

manya dengan sengaja menghasut pegawai untuk memberi maklumat yang dirahsiakan, maka ia boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang OSA. Saya tidak tahu apa yang disebut dalam OSA secara terperinci, tetapi kita akan mengikut undang-undang yang ada," katanya.

Dr Mahathir juga duka-cita jika ada pihak sengaja membocorkan rahsia kerajaan.

Menurutnya, apa yang berlaku dalam pejabat perlulah dirujuk kepada ketua jabatan atau menteri terlebih dahulu kerana cara itu tidak ter-

takluk oleh OSA.

"Kalau disampaikan maklumat kepada pegawai ataupun menteri, mereka tidak tertakluk kepada OSA, tetapi bila disampaikan kepada orang luar, ini bermakna mereka sudah melanggar undang-undang negara.

"Tetapi yang saya ingin tegaskan di sini ialah kita tidak akan memandangkan perbuatan curang seperti ini.

"Kita tidak senang hati kerana ada orang yang bekerja dengan kerajaan sengaja mendedahkan rahsia (kandungan) kertas yang rahsia dalam kerajaan," katanya.